

NO. SOALAN: 525

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI
[BATU PAHAT]**

RUJUKAN : 8053

SOALAN:

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jaminan bahawa akta-akta seperti SOSMA, POTA dan Akta Hasutan tidak disalahgunakan bagi menyekat suara rakyat mengkritik kerajaan dengan mengeksplotasi “perasaan takut” rakyat.

JAWAPAN:

Kerajaan memberi jaminan bahawa ketiga-tiga undang-undang tersebut iaitu Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 dan Akta Hasutan 1948 tidak akan digunakan bagi menyekat suara rakyat bagi mengkritik Kerajaan.

Ini kerana Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 adalah merupakan undang-undang prosedur yang akan digunakan untuk membuat penahanan terhadap individu-individu yang disyaki melakukan kesalahan keselamatan seperti yang ditakrifkan di dalam Bab VI (Kesalahan Terhadap Negara) Kanun Keseksaan dan Bab VIA (Kesalahan Berhubung Dengan Keganasan) Kanun Keseksaan.

Manakala Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 pula adalah satu undang-undang pencegahan yang digunakan untuk menangani mana-mana entiti yang tersenarai sebagai Organisasi Pengganas Tersenarai yang diisyiharkan di bawah seksyen 66B dan 66C Akta Pencegahan Penggubalan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

Maka adalah jelas kedua-dua undang-undang tersebut iaitu Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 dan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 yang baru

diluluskan oleh kedua-dua Dewan Parlimen pada sesi lalu bukan digubal khusus untuk menyekat rakyat daripada mengkritik Kerajaan dan tiada kaitan langsung dengan isu mengkritik tersebut.

Sementara itu, walaupun Kerajaan telah memutuskan pengekalan Akta Hasutan 1948 dengan beberapa penambahbaikan yang telah dibentang dan diluluskan oleh kedua-dua Dewan Parlimen pada sesi yang lalu, namun pindaan terhadap Akta tersebut iaitu perbuatan mengkritik kerajaan tidak lagi menjadi kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948. Di sini rakyat daripada segenap lapisan masyarakat termasuklah ahli-ahli akademik boleh mengkritik kerajaan tetapi kritikan itu hendaklah kritikan yang membina. Pindaan ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan suatu pentadbiran yang lebih telus dan “accountable” kepada rakyat Malaysia demi manfaat rakyat dan negara.

RT53/526

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI
[BATU PAHAT]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa peratus anak-anak berumur lima (5) tahun dan enam (6) tahun yang mendapat peluang mengikuti pendidikan pra-sekolah.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pendidikan prasekolah meliputi kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Sehingga tahun 2014, trend menunjukkan kanak-kanak berumur enam (6) tahun yang mengikuti pendidikan prasekolah adalah sebanyak 91.96 peratus manakala kadar penyertaan kanak-kanak berumur lima (5) tahun adalah 76.55 peratus.